



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERSEKITARAN PEMBELAJARAN DALAM BILIK
DARJAH SERTA PENCAPAIAN AKADEMIK:
PELAJAR JURUSAN PERAKAUNAN
PROGRAM MATRIKULASI**

AHMAD BIN ISHAK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**LAPORAN PROJEK PENYELIDIKAN YANG DIKEMUKAKAN
INI BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT
UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(EKONOMI)**

**FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya akui bahawa segala maklumat dalam laporan projek ini adalah hasil karya saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

6 April, 2005

AHMAD BIN ISHAK
M20021000401





PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Allah atas kurnianya kajian ini dapat disempurnakan. Saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya Prof Madya En. Hariri yang telah banyak membantu dan membimbing saya menyiapkan laporan projek ini. Penghargaan ini juga kepada isteri tercinta Rohaida Abd Gani tidak jemu-jemu membantu dan memberi sokongan moral kepada saya untuk menyiapkan projek ilmiah ini dalam jangkamasa yang telah ditetapkan. Anakanda yang dikasihi Amir Hamzah, Siti Aisyah, Siti Sarah, Anwar Rasyidi, Noor Sakinah, Firdaus Hanafi dan Muhammad Mujahid. Tidak dilupakan kepada rakan-rakan terutama Encik Zuhaidi dan Encik Naim yang secara langsung dan tidak langsung terlibat dengan projek ini juga saya ucapkan terima kasih. Jasa anda semua Allah jua yang membalasnya.

Ahmad bin Ishak





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji persekitaran pembelajaran (persepsi sebenar dan yang diingini) pelajar Jurusan Perakaunan di Kolej Matrikulasi Perak, Gopeng. Hubungan antara jenis persekitaran pembelajaran dengan pencapaian Purata NilaiGred Kumulatif (PNGK) turut dikaji. Sampel terdiri dari 192 populasi pelajar jurusan Perakaunan dengan jumlah seramai 187 orang pelajar yang dikaji. Kaedah tinjauan digunakan dengan mentadbirkan soalselidik "What Is Happening In The Classroom" (WIHIC) (Frazer et al. ,1996) yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu. Soal selidik ini terbahagi kepada 7 elemen iaitu 8 item untuk setiap elemen. Setiap elemen digunakan untuk mengenal pasti setiap elemen persekitaran pembelajaran (keakraban pelajar, sokongan guru, penglibatan, kajian, orientasi tugas, kerjasama dan kesaksamaan). Analisis data mendapati, ketujuh-tujuh elemen tersebut mempunyai kebolehpercayaan alpha yang tinggi (0.7552 hingga 0.9345) setelah 2 item disingkir dari instrumen yang asal. Ketujuh-tujuh elemen persekitaran pembelajaran yang sebenar dan yang diingini diukur oleh instrumen WIHIC didapati mempunyai perbezaan yang signifikan di antara satu sama lain. Beberapa elemen persekitaran pembelajaran menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi jantina, kaum dan latar belakang persekolahan pelajar jurusan Perakaunan. Dapatan juga menunjukkan tiada hubungan yang signifikan bagi semua elemen persekitaran pembelajaran terhadap pencapaian kecuali elemen sokongan guru dan penglibatan. Elemen tersebut mempunyai hubungan yang negatif dan lemah terhadap pencapaian.





ABSTRACT

The objective of this research is to study the actual learning environment and the preferred learning environment of the accounting students in Perak Matriculation College, Gopeng, Perak. The associations between learning environment and academic achievement (using the Cumulative Grade Point Average (CGPA) of the students were also investigated. The study involved a classroom environment questionnaire that assessed the perception of 187 accounting students and the association between students perception and academic achievement. The students completed the 'What Is Happening in The Classroom' (WIHIC) (Frazer et al., 1996) questionnaire to measure their actual and preferred learning environment. The Bahasa Malaysian version of the questionnaire was used. The questionnaire was divided into 7 scales which each scale consisted of 8 items. Each scale referred to different elements of learning environment (student cohesiveness, teacher support, involvement, investigation, task orientation, cooperation and equality). Analysis of data indicated that all seven scales had high level of reliability (cronbach alpha between 0.7522 and 0.9345) after two items in the original questionnaire had been discarded. The analysis also showed that the actual and the preferred learning environment for all of the 7 scales were significantly different. Some elements of learning environment indicated significant differences between genders, ethnic groups and school backgrounds of the respondents. Associations between the preferred learning environment and the academic achievement in final examination. There were no statistically significant associations for the majority of the scales, except for two scales, namely teacher support and involvement. These two scales showed weak negative associations with academic achievement.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN	x



BAB 1	PENDAHULUAN	1
1.1	Pengenalan Terhadap Persekitaran Pembelajaran	3
1.2	Penyataan masalah	4
1.3	Objektif Kajian	5
1.4	Soalan Kajian	6
1.5	Hipotesis Kajian	7
1.6	Kerangka Kajian	8
1.7	Kepentingan Kajian	10
1.8	Batasan Kajian	12
1.9	Definisi Operasi	12



BAB 2	SOROTAN LITERATUR	15
2.1	Pengenalan	15
2.2	Persepsi	16
2.3	Sejarah Awal Kajian Persekitaran Pembelajaran	17
2.4	Kajian Terkini Persekitaran Pembelajaran	21
2.5	Kajian Persekitaran Pembelajaran di Pelbagai Negara	22
2.6	Apa Yang Berlaku Di Dalam Bilik Darjah (<i>What Is Happening In This Classroom</i>)?	23
2.7	Kajian Terkini Hubungan Persekitaran Pembelajaran Terhadap Pencapaian Pelajar Menggunakan WIHIC	24
2.8	Kajian Persepsi Persekitaran Pembelajaran Mengikut Jantina	25
2.9	Rumusan	26
BAB 3	METODOLOGI	27
3.1	Reka Bentuk Kajian	27
3.2	Sampel Kajian	29
3.3	Instrumen Kajian	31
3.4	Kajian Rintis	37
3.5	Kebolehpercayaan Instrumen	38
3.6	Pengumpulan Data	41
3.7	Analisis Data	41
BAB 4	KEPUTUSAN	47

4.1	Profil Responden kajian	47
4.1.1	Jantina	48
4.1.2	Kaum	48
4.1.3	Latar Belakang Sekolah	49
4.1.4	Pencapaian Akademik Mengikut Demografi	50
4.2	Analisis dapatan kajian	53
4.2.1	Pangkat (Ranking) Elemen-Elemen Persekitaran Pembelajaran	53
4.2.2	Perbezaan Jurang Antara Elemen-Elemen Persekitaran Pembelajaran	71
4.2.3	Perbezaan Min Dimensi Persekitaran Pembelajaran Mengikut Jantina	73
4.2.4	Perbezaan Min Dimensi Persekitaran Pembelajaran Mengikut Kaum	75
4.2.5	Perbezaan Min Dimensi Persekitaran Pembelajaran Mengikut Latar Belakang Sekolah	77
4.2.6	Hubungan Antara Persekitaran Pembelajaran Dengan Pencapaian	81
BAB 5	PERBINCANGAN	83
5.1	Elemen-Elemen Persekitaran Pembelajaran	84
5.2	Persepsi Persekitaran Pembelajaran Mengikut Jantina	86
5.3	Persepsi Persekitaran Pembelajaran Mengikut Status Bumiputra	87
5.4	Persepsi Persekitaran Pembelajaran Mengikut Latar Belakang Sekolah	89
5.5	Hubungan Antara Persekitaran Pembelajaran Dengan Pencapaian	90
5.6	Kesimpulan Dapatan Kajian	92

5.7	Implikasi Dapatan Kajian	93
5.8	Cadangan Untuk Kajian lanjutan	96
5.9	Kesimpulan	97
BIBLIOGRAFI		100
LAMPIRAN		104



SENARAI JADUAL

Jadual

Muka Surat

3.1	Taburan Pelajar-Pelajar Kolej Matrikulasi Perak Mengikut Jurusan dan Status Bumiputera	30
3.2	Taburan Pelajar Perakaunan Kolej Matrikulasi Perak Mengikut Kaum dan Jantina	31
3.3	Contoh Borang Soalselidik WIHIC	38
3.4	Analisis Kebolehpercayaan Soal Selidik Persekitaran Pembelajaran WIHIC	39
3.5	Hubungan Pekali Korelasi r	44
3.6	Hipotesis yang Diuji	45
4.1	Profil Responden Berdasarkan Jantina	48
4.2	Profil Responden Berdasarkan Kaum	49
4.3	Profil Responden Berdasarkan Latar Belakang Sekolah	49
4.4	Profil Responden Berdasarkan Latar Belakang Sekolah Disatukan	50
4.5	Tahap Pencapaian Pelajar Mengikut PNGK	50
4.6	Keputusan Analisis Pencapaian PNGK Jurusan Perakaunan Mengikut Jantina	51
4.7	Keputusan Analisis Pencapaian PNGK Jurusan Perakaunan Mengikut Kaum	52





4.8	Keputusan Analisis Pencapaian PNGK Jurusan Perakaunan Mengikut Latar Belakang Sekolah	52
4.9	Ranking Elemen-Elemen Persekitaran Pembelajaran Yang Sebenar	54
4.10	Ranking Elemen-Elemen Persekitaran Pembelajaran Yang Diingini	54
4.11	Ranking Keakraban Pelajar Yang Sebenar	55
4.12	Ranking Keakraban Pelajar Yang Dingini	56
4.13	Ranking Sokongan Guru Yang Sebenar	57
4.14	Ranking Sokongan Guru Yang Dingini	58
4.15	Ranking Penglibatan Yang Sebenar	59
4.16	Ranking Penglibatan Yang Diingini	60
4.17	Ranking Kajian Yang Sebenar	61
4.18	Ranking Kajian Yang Diingini	62
4.19	Ranking Orientasi Tugas Yang Sebenar	64
4.20	Ranking Orientasi Tugas Yang Diingini	65
4.21	Ranking Kerjasama Yang Sebenar	66
4.22	Ranking Kerjasama Yang Diingini	67
4.23	Ranking Kesaksamaan Yang Sebenar	68
4.24	Ranking Kesaksamaan Yang Diingini	69
4.25	Perbezaan Jurang Elemen-Elemen Persekitaran Pembelajaran	72
4.26	Ujian-t Yang Menentukan Perbezaan Purata Min Dimensi Persekitaran Pembelajaran Mengikut Jantina	73
4.27	Ujian-t Yang Menentukan Perbezaan Purata Min Dimensi Persekitaran Pembelajaran Mengikut Kaum	76





4.28	Ujian ANOVA Satu Hala Yang Menentukan Perbezaan Min Dimensi Persekitaran Pembelajaran Yang Sebenar Mengikut Latar Belakang Sekolah	78
4.29	Ujian Post Hoc (LSD) ke atas min skor elemen persekitaran pembelajaran Sokongan Guru secara keseluruhan antara latar belakang sekolah	79
4.30	Ujian ANOVA Satu Hala Yang Menentukan Perbezaan Min Dimensi Persekitaran Pembelajaran Yang Diingini Mengikut Latar Belakang Sekolah	80
4.31	Korelasi (r) Dimensi Skel Persekitaran Pembelajaran Yang Sebenar Dengan Pencapaian	81
4.32	Korelasi (r) Dimensi Skel Persekitaran Pembelajaran Yang Diingini Dengan Pencapaian	82



SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1.1 Rajah Kerangka Konseptual Kajian	10
3.1 Carta alir bagi proses menjalankan kajian untuk mendapatkan data	28
3.2 Carta alir bagi proses menganalisis data	43



SENARAI SINGKATAN

Singkatan	Istilah
WIHIC	What Is Happening In this Class
PNGK	Purata Nilai Gred Kumulatif
SBP	Sekolah Berasrama Penuh,
PSPM	Peperiksaan Semester Program Matrikulasi





BAB 1

PENDAHULUAN

Pencapaian akademik merupakan isu yang sentiasa diperkatakan oleh masyarakat.

Samada oleh para pendidik itu sendiri mahupun pihak-pihak lain seperti pelajar, ibubapa, masyarakat mahupun pihak kerajaan.

Ramai ibubapa yang berusaha supaya anaknya dapat belajar di institusi pendidikan yang mana pencapaian akademiknya tinggi. Di peringkat sekolah, sekolah-sekolah berasrama penuh atau sekolah-sekolah tertentu menjadi rebutan. Di peringkat pra universiti pula Program Matrikulasi menjadi pilihan berbanding STPM.

Terdapat beberapa faktor yang mendorong ibubapa memilih institusi tertentu untuk anak-anak mereka. Salah satu daripadanya ialah kecemerlangan akademik institusi berkenaan. Untuk itu institusi-institusi pendidikan perlu menyediakan iklim pembelajaran yang kondusif supaya pelajar dapat belajar dengan selesa. Selain infrastruktur fizikal yang disediakan, terdapat juga faktor-faktor psikologi yang menyumbang kepada suasana pembelajaran yang kondusif dan menyeronokan.

Mulai sesi 2004/2005, Program Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia telah membuka ruang kepada pelajar bukan bumiputra untuk menyertai program





tersebut. Sebanyak 10 peratus dari kalangan pelajar bukan bumiputra telah diterima masuk ke program ini di seluruh negara. Di Kolej Matrikulasi Perak, peratusan jumlah pelajar bukan bumiputra dalam Jurusan Perakaunan adalah tinggi iaitu 31 peratus berbanding dua jurusan lain (Jurusan Sains Fizikal dan Jurusan Sains Hayat). Antara matlamat perubahan dasar ini adalah untuk membolehkan pelajar bumiputera yang terpilih dan cemerlang ini bersaing dengan pelajar bukan bumiputra bagi meningkatkan semangat untuk bersaing untuk kecemerlangan. Oleh itu adalah dipercayai ianya akan mempengaruhi persekitaran pembelajaran pelajar melalui interaksi di dalam bilik darjah.

Selain itu, Kolej Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia menerima masuk pelajar dari pelbagai jenis sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Agama Islam Negeri, Sekolah Menengah Agama Rakyat, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil, Sekolah Menengah Teknik, Sekolah Menengah Vokasional, Sekolah Berasrama Penuh dan Maktab Rendah Sains Mara.

Kajian sebelum ini menunjukkan terdapat hubungan antara faktor-faktor persekitaran bilik darjah dengan pencapaian akademik pelajar (Bennacer, 2000; Fraser, 1989,1991).





1.1 Pengenalan Terhadap Persekitaran Pembelajaran

Persekitaran pembelajaran secara amnya bergantung kepada faktor-faktor yang di bawah kawalan guru. Terdapat suara-suara yang mengatakan bahawa pelajar-pelajar memperoleh kejayaan lebih baik di kelas-kelas yang mempunyai persekitaran pembelajaran yang baik. Contohnya cara pengurusan bilik darjah, organisasi bilik darjah, cara penyampaian kurikulum serta faktor-faktor lain yang berkaitan dengan persekitaran pembelajaran.

Oleh kerana terdapat pelbagai faktor yang terlibat dalam persekitaran bilik darjah, maka selalu diperkatakan tentang kejayaan dan kegagalan pelajar dilihat sebagai faktor nasib. Sehubungan itu adalah menjadi satu keperluan untuk menjalankan kajian yang boleh digunakan sebagai asas untuk membuktikan dan mengenal pasti cara-cara tertentu untuk guru-guru mengendali kelas-kelas serta menyampaikan pengajaran mereka bagi meningkatkan prestasi pencapaian pelajar.

Bidang kajian berkaitan dengan persekitaran pembelajaran telah berkembang dengan pesat sejak 30 tahun lepas. Kajian-kajian sebelum ini menunjukkan maklumat tentang persekitaran pembelajaran terbukti amat berguna. Pelbagai bentuk kajian tentang persekitaran pembelajaran telah dijalankan oleh ramai penyelidik dipelbagai negara (Fraser,1986,1994,1998a,1998b; Fraser & Walberg,1991, Seopa *et al.*, 2003, Cakiroglu *et al.*,2003, Aldridge, *et al.*,2003, Margianti, Fraser, & Aldridge, 2001, Fraser & Chionh, 2000, Ronald D. Rita, 2005).

Interaksi antara rakan sebaya dikenal pasti sebagai tunjang kepada pembangunan sosial kanak-kanak melalui pengalaman mereka di sekolah. Mead (1934) mengenal pasti hubungan rakan sebaya sebagai asas pembentukan sendiri. Seterusnya identiti seseorang itu terbentuk daripada interaksi seseorang itu dengan





orang lain (Russell, 1984). Sementara itu Piaget (1973) percaya bahawa *egalitarian nature* dalam interaksi rakan sebaya menjadikannya penting dalam pembentukan kemahiran individu dalam perkara seperti tawar-menawar, bekerjasama dan bertolak ansur (Rubin & Daniel-Beirness, 1983).

Bandura (1977) dalam teori pembelajaran sosial juga memberi penekanan terhadap interaksi rakan sebaya dalam menentukan hala tuju pembentukan tingkahlaku. Melalui pembelajaran secara pemerhatian, rakan sebaya merupakan seolah-olah guru, *role model* dan *norm setter* (Rubin & Daniel-Beirness, 1983).

Berdasarkan teori dan kajian di atas menunjukkan kemungkinan wujudnya interaksi di dalam bilik darjah yang mana akan menghasilkan satu bentuk persekitaran sosial yang seterusnya mempengaruhi tingkahlaku. Seterusnya kewujudan persekitaran pembelajaran di dalam bilik darjah ini dipercayai akan mempengaruhi pencapaian dari segi akademik dan afektif pelajar.

Kajian yang begitu popular dan banyak dilaksanakan adalah berkaitan hubungan pencapaian pembelajaran pelajar dari segi domain kognitif dan afektif dengan persepsi pelajar dari segi ciri-ciri psikologi terhadap bilik darjah mereka.

1.2 Pernyataan Masalah

Tidak dinafikan berdasar kajian terdahulu jelas menunjukkan kepentingan persekitaran pembelajaran dalam mempengaruhi tingkahlaku dan pencapaian pelajar. Teori yang dikemukakan oleh Bandura (1977) menjelaskan bahawa wujud interaksi di antara manusia dengan manusia serta persekitaran mereka. Fraser (1989) dan Kupermine et al. (1997) dalam kajian mereka membuktikan wujud pengaruh persekitaran sekolah terhadap pencapaian akademik dan afektif pelajar.





Faktor demografi pelajar yang berbeza dari segi jantina, kaum, latar belakang persekolahan juga dipercayai mewujudkan pelbagai variasi persekitaran pembelajaran di dalam bilik darjah khususnya di Kolej Matrikulasi. Pelajar lelaki mungkin berbeza dengan pelajar perempuan apabila berinteraksi dengan persekitaran yang wujud di kolej-kolej matrikulasi. Kemasukkan pelajar Bukan Bumiputra ke dalam program matrikulasi mungkin mewujudkan kejutan budaya di antara kedua-dua pihak samada pelajar Bumiputra mahupun pelajar Bukan Bumiputra.

Kemudahan infrastruktur yang lebih moden dan canggih di kolej juga mungkin mewujudkan persepsi yang berbeza di antara pelajar yang mempunyai latar belakang persekolahan yang berbeza. Ini kerana wujud budaya yang berbeza di antara pelajar yang berasal dari sekolah yang berasrama penuh, asrama harian dan sekolah harian.

Persekitaran pembelajaran dalam bilik darjah mungkin akan di lihat secara yang berbeza dari persepsi pelajar-pelajar ini.

Persoalannya apakah elemen-elemen yang mempengaruhi persekitaran pembelajaran tersebut? Adakah elemen-elemen tersebut dapat menyumbang kepada peningkatan prestasi pencapaian akademik pelajar? Persoalan ini akan cuba dileraikan melalui kajian ini.

1.3 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah, 3 objektif kajian ditetapkan.

1.4.1 Untuk menentukan pangkat dan jurang di antara elemen persekitaran pembelajaran yang sebenar berlaku dan yang diinginkan oleh pelajar Perakaunan.





- 1.4.2 Menentukan samada wujud perbezaan yang signifikan di antara faktor demografi pelajar dengan persekitaran dalam bilik darjah.
- 1.4.3 Menentukan samada wujud hubungan antara persekitaran dalam bilik darjah dengan pencapaian akademik pelajar perakaunan.

Jika terdapat hubungan antara persekitaran bilik darjah dengan pencapaian akademik, maka adalah mustahak penekanan terhadap pengurusan terhadap persekitaran bilik darjah diberi keutamaan. Lebih jelas lagi kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti aspek-aspek yang penting yang perlu diberi perhatian dalam menguruskan persekitaran bilik darjah.



Persoalan kajian dicetuskan selari dengan tujuan kajian. Persoalan kajian seperti berikut:

- 1.5.1 Apakah pangkat dan jurang di antara elemen persekitaran pembelajaran yang sebenar berlaku dengan yang diinginkan oleh pelajar di dalam bilik darjah?
- 1.5.2 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara jantina dengan persekitaran pembelajaran dalam bilik darjah?
- 1.5.3 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara kaum dengan persekitaran pembelajaran dalam bilik darjah?
- 1.5.4 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara latar belakang persekolahan dengan persekitaran pembelajaran dalam bilik darjah?
- 1.5.5 Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara pencapaian akademik dengan persekitaran pembelajaran dalam bilik darjah?





1.5 Hipotesis Kajian

Daripada objektif kajian dan soalan kajian maka dapat dibentuk hipotesis=hipotesis seperti berikut:

Ho1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara jantina dengan purata skor persekitaran pembelajaran yang sebenar dan yang diingini di dalam bilik darjah.

Ho2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kaum dengan purata skor persekitaran pembelajaran yang sebenar dan yang diingini di dalam bilik darjah.

Ho3 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara latar belakang persekolahan dengan purata skor persekitaran pembelajaran yang sebenar dan yang diingini di dalam bilik darjah.



Ho4 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pencapaian akademik terhadap purata skor persekitaran pembelajaran yang sebenar berlaku di dalam bilik darjah.

Ho5 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pencapaian akademik terhadap purata skor persekitaran pembelajaran yang diingini di dalam bilik darjah.



1.6 Kerangka Kajian

Kajian ini dijalankan melalui pengumpulan data secara kuantitatif. Ianya dilaksanakan melalui kaji selidik menggunakan instrumen WIHIC. Dalam usaha untuk mencapai objektif kajian yang pertama penyelidik akan menyiasat hubungan antara persekitaran pembelajaran sebenar dan yang disukai oleh pelajar Perakaunan menggunakan instrumen Apa Yang Berlaku Di Dalam Kelas yang diterjemah dari bahasa inggeris '*What Is Happening In The Classroom*' (WIHIC).

Dalam kajian ini penyelidik menggunakan instrumen WIHIC yang dibangunkan oleh Frazer et al. (1996) dan telah diubahsuai oleh Ronald D. Rita (2005). Instrumen tersebut seterusnya diterjemah dari versi Bahasa Inggeris dengan mendapatkan khidmat seorang pensyarah Bahasa Inggeris dari Unit Bahasa Inggeris Kolej Matrikulasi Perak. Kemudian selepas diteliti, penyelidik memohon kerjasama seorang pensyarah Perakaunan membaca serta memberi maklum balas tentang kejelasan maksud instrumen tersebut apabila dibacakan dari versi sebenar dalam Bahasa Inggeris. Selepas itu instrumen tersebut ditadbirkan kepada 30 orang pelajar Sains Hayat untuk memastikan ianya difahami oleh pelajar.

Seterusnya penyelidik menganalisis dan membuat perbandingan antara persepsi apa yang sebenarnya berlaku berbanding apa yang diingini oleh pelajar Perakaunan di Kolej Matrikulasi Perak, Gopeng, Perak, bagi Sesi 2006/2007. Pelajar akan memberi maklumbalas melalui pilihan jawapan dalam Skala Likert yang disediakan dalam instrumen soalselidik WIHIC seperti berikut:

1 - hampir tidak pernah, 2 - jarang, 3 - kadang-kadang, 4 - kerap dan 5 - sangat kerap.

Untuk memudahkan proses pengumpulan data, penyelidik memasukkan (key-in) data dalam MS Excel sebelum dipindahkan (eksport) ke dalam perisian SPSS 11.0.



Bagi mencapai objektif kedua, penyelidik akan memilih 3 faktor demografi untuk menyiasat perbezaannya dari aspek persekitaran pembelajaran dalam bilik darjah. Faktor-faktor tersebut adalah jantina, kaum dan latar belakang sekolah. Ujian statistik akan dijalankan untuk melihat perbezaan min bagi setiap faktor demografi tersebut.


Untuk mencapai objektif ketiga, penyelidik akan cuba menyiasat hubungan antara persekitaran dalam bilik darjah dengan pencapaian akademik pelajar Perakaunan.

Penyelidik akan mengkaji hubungan antara elemen-elemen persekitaran pembelajaran di dalam bilik darjah yang terdapat dalam WIHIC terhadap pencapaian akademik pelajar Jurusan Perakaunan Kolej Matrikulasi Perak. Kajian korelasi, akan menunjukkan hubungan pelbagai variasi antara setiap tujuh elemen dalam skel WIHIC dengan pencapaian akademik pelajar Jurusan Perakaunan. Keputusan secara kuantitatif akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Bab 4. Kerangka Konseptual Kajian ditunjukkan seperti Rajah 1.1.





Rajah 1.1
Rajah Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang memberi gambaran tentang pembolehubah-pembolehubah yang akan dikaji dalam penyelidikan ini

1.7 Kepentingan Kajian

Pelajar jurusan Perakaunan program Matrikulasi adalah di kalangan pelajar cemerlang yang terpilih daripada sekolah-sekolah harian, sekolah berasrama penuh (SBP) dan Kolej-kolej Mara. Mereka mempunyai latar belakang yang berbeza. Selain itu pelajar program matrikulasi juga terdiri daripada pelajar bumiputera dan bukan bumiputera.

Sementara pensyarah yang mengajar pula juga mempunyai latar belakang dan pengalaman yang berbeza. Pensyarah ini terbahagi kepada pensyarah yang berpengalaman mengajar di sekolah dan pensyarah baru yang tiada pengalaman



mengajar di sekolah. Sehubungan itu ini sudah tentu akan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang berbeza apabila pelajar belajar di kelas yang berbeza dan diajar oleh pensyarah yang berbeza.

Sesungguhnya persekitaran yang wujud di dalam bilik darjah semasa pengajaran dan pembelajaran berlaku memainkan peranan yang penting sebagai faktor penyumbang kepada pencapaian pelajar di dalam peperiksaan. Hubungan dan interaksi pelajar dengan pensyarah dan juga antara pelajar dengan pelajar itu sendiri merupakan faktor penting dalam mewujudkan persekitaran yang baik.

Adalah menjadi hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Bahagian Matrikulasi amnya, pihak kolej matrikulasi khususnya untuk memastikan kecemerlangan pelajar. Oleh itu matlamat kajian ini adalah untuk cuba mengenal pasti komponen-komponen dalam persekitaran pembelajaran yang penting mempengaruhi pencapaian pelajar dalam Peperiksaan Akhir Program Matrikulasi (PSPM) .

Seterusnya kajian ini juga ingin mengenal pasti perbezaan persepsi-persepsi pelajar Perakaunan berdasar demografi terhadap beberapa elemen persekitaran pembelajaran yang wujud dalam bilik darjah.

Persoalannya adakah pelajar akan lebih cemerlang dalam PSPM jika mereka mempunyai persepsi bahawa persekitaran pembelajaran adalah baik. Kajian ini dirasakan perlu kerana setakat ini, belum ada kajian di kolej-kolej Matrikulasi negara ini yang mengkaji persekitaran pembelajaran menggunakan instrumen WIHIC.

Adalah diharapkan melalui dapatan kajian ini dapat dikenal pasti elemen-elemen penting persekitaran pembelajaran yang mempengaruhi pencapaian pelajar. Seterusnya melalui dapatan kajian ini juga akan terhasil cadangan-cadangan yang boleh digunapakai oleh warga pendidik dan pihak pentadbir kolej dalam memastikan peningkatan tahap kecemerlangan pelajar.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan di sebuah Kolej Matrikulasi di Gopeng, Perak. Terdapat 192 pelajar Jurusan Perakauan diambil sebagai populasi. Tumpuan kajian ini adalah terbatas kepada persekitaran pembelajaran yang menggunakan instrumen WIHIC sahaja. Tumpuan tidak diberikan kepada faktor persekitaran pembelajaran yang lain.

Penyelidik dalam kajian ini menggunakan data Peperiksaan Semester Program Matrikulasi (PSPM) semester pertama sesi 2006/2007. Dapatan kajian ini hanya terbatas di Kolej Matrikulasi Perak sahaja.

1.9 Definisi Operasi

Berikut adalah beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini:

Skel WIHIC:

Skel WIHIC adalah komponen-komponen faktor yang mempengaruhi persekitaran pembelajaran yang digunakan untuk mengukur persepsi pelajar terhadap apa yang berlaku di dalam bilik darjah.

Keakraban Pelajar:

Keakraban pelajar menunjukkan bagaimana persepsi pelajar terhadap pembentukan persahabatan dan tolong menolong di dalam kelas.

Sokongan Guru:

Sokongan guru merujuk kepada sikap atau atitud guru terhadap pelajar. Samada guru memberi sokongan yang baik atau kebebasan yang terkawal kepada pelajar.

Penglibatan:

Penglibatan merujuk samada pelajar terlibat secara aktif atau memberi komitmen terhadap aktiviti dalam bilik darjah.

Kajian:

Kajian mengukur setakat mana pelajar terlibat dalam kemahiran dan proses penyelesaian masalah.

Orentasi Tugas:

Orentasi Tugas adalah komitmen yang diberi bagi membuktikan aktiviti pembelajaran telah dilakukan di dalam bilik darjah. Ini merujuk samada pelajar melaksanakan tugas dengan lebih baik secara berbanding pelajar lain.

Kerjasama:

Kerjasama merujuk kepada setakat mana pendekatan kooperatif digunakan di dalam kelas. Ini termasuk aktiviti-aktiviti berkumpulan yang dilaksanakan guru di dalam kelas.

Kesaksamaan:

Kesaksamaan adalah persepsi pelajar terhadap keadilan di dalam kelas. Ini merujuk samada pelajar diberi layanan yang sama adil atau tidak di dalam bilik darjah.

Sekolah berasrama penuh:

Sekolah berasrama penuh adalah sekolah bantuan penuh kerajaan di bawah Bahagian Asrama Penuh Kementerian Pelajaran Malaysia yang mana semua pelajar adalah wajib tinggal di asrama.

Sekolah asrama harian:

Sekolah asrama harian adalah sekolah di mana hanya sebahagian pelajar tinggal di asrama.



Sekolah harian:

Sekolah harian adalah sekolah yang tidak disediakan kemudahan asrama.

Maktab Rendah Sains Mara (MRSM):

Maktab Rendah Sains Mara adalah sekolah yang disediakan kemudahan asrama yang dikendalikan oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA). Semua pelajar juga diwajibkan tinggal di asrama.

Peperiksaan Semester Program Matrikulasi (PSPM) :

dalam peperiksaan ini ditunjukkan melalui Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) yang diperolehi oleh pelajar.

Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK):

Purata Nilai Gred Kumulatif adalah purata gred yang diperolehi oleh pelajar bagi 4 mata pelajaran teras (Jurusan Perakaunan) yang diduduki dalam peperiksaan tersebut.

